



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Perbekalan Tambahan (1982) 1983
DR.2/1983

Naskhah Sahih—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1982 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbekalan Tambahan (1982) 1983.

Tajuk ringkas.

2. (1) Maka adalah dibenarkan supaya dikeluarkan wang sebanyak tidak lebih daripada tiga ratus tiga juta sembilan ratus tujuh puluh dua ribu tujuh ratus empat puluh lima ringgit (\$303,972,745) daripada Kumpulanwang Disatukan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual bagi perkhidmatan tahun 1982, yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya dalam Anggaran Belanja Mengurus Persekutuan 1982 yang telah diluluskan oleh Akta Perbekalan 1982, Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama, 1982 yang telah diluluskan oleh Akta Perbekalan Tambahan (1981 dan 1982) 1982 dan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua, 1982 yang telah diluluskan oleh Akta Perbekalan Tambahan (1981 dan 1982) 1983.

Perbelanjaan tambahan bagi tahun 1982.

Akta A526.

Akta A537.

Akta A545.

(2) Wang yang tersebut itu adalah diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL
(Seksyen 2)

Maksud	Tajuk	Peruntukan kepada maksud
B. 1 ... Parlimen		\$ 2,390,400
B. 33 ... Perkhidmatan Am	Perbendaharaan	276,000,000
B. 34 ... Peruntukan kepada Terkanun	Kumpulanwang	25,000,000
B. 52 ... Kementerian Pengangkutan		582,345
JUMLAH ...		<u>\$303,972,745</u>

HURAIAN

Tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk memberikuasa berkanun supaya beberapa pembayaran tambahan tertentu dibuat untuk perkhidmatan-perkhidmatan awam Persekutuan dalam tahun 1982 melebihi perbelanjaan yang dibenarkan oleh Anggaran Belanja Mengurus Persekutuan 1982, Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama, 1982 yang telah diluluskan oleh Akta Perbekalan Tambahan (1981 dan 1982) 1982 dan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua, 1982 yang telah diluluskan oleh Akta Perbekalan Tambahan (1981 dan 1982) 1983 dan untuk mengadakan peruntukan bagi mengganti pendahuluan-pendahuluan yang dibuat daripada Kumpulanwang Luar Jangka sebagaimana dikehendaki oleh Perkara 103 Perlembagaan. [PN. (U²) 1220.]